

Pembangunan Kerangka Konseptual Kajian Aspirasi Kerjaya Pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia

*(Designing Conceptual Framework for The Study of Career Aspirations of TVET in Malaysian
Community College)*

SHAFARIZAN ABD SAMAD*, MOHAMAD KHAIRI OTHMAN & MUHAMAD DZAHIR
KASA

ABSTRAK

Membangunkan modal insan merupakan agenda sangat penting bagi sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) dilihat tonggak penting dalam sistem pendidikan negara. TVET merupakan salah satu bidang pendidikan yang bertujuan bagi menghasilkan pekerja mahir bagi pembangunan ekonomi negara. Platform pendidikan ini bukan sahaja untuk membangunkan pembangunan akademik dan teknikal pelajar, tetapi juga melahirkan pelajar bagi memperolehi kemahiran berkaitan pekerjaan. Setelah hampir sedekad, beberapa kelompangan masih membelenggu TVET, serta menghalang peranannya dalam mengungguli sistem pendidikan arus perdana. Oleh yang demikian, kertas konsep ini bertujuan untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan, kemahiran generik dan jenis tret-personaliti terhadap aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar TVET. Kajian ini adalah berdasarkan metodologi kuantitatif. Elemen-elemen ini dilihat tidak hanya penting dalam menyediakan pelajar untuk kebolehpasaran mereka pada masa hadapan tetapi juga sangat penting bagi penilaian tret-personaliti pelajar TVET terhadap aspirasi kerjaya mereka. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan isu tersebut demi bagi memastikan pelajar TVET terus mengekalkan aspirasi kerjaya yang sama dengan bidang yang telah dipelajari mereka di Kolej Komuniti.

Kata kunci: TVET; tret - personaliti; keberkesanan latihan; kemahiran generik; aspirasi kerjaya

ABSTRACT

Developing human capital through education is very important for the education system in Malaysia. Technical and vocational education and training (TVET), holds a major role in our education system. TVET is one of education lines that are aimed to produce skilled workers for our country. This education platform is hoped not only to develop students' academic and technical knowledge, but also to help students acquire high employability skills. Despite improvements over the past decade, several weaknesses have hobbled TVET, preventing it from playing a supportive role. Therefore, this concept paper aims to examine the level of effectiveness training, generic skill and type of trait-personality towards career aspiration among TVET students. A quantitative methodology research designed was employed for this study. These elements are not only important in preparing them for their future work but also very pivotal for their career aspirations development. Thus, the purpose of this concept paper is to discuss the sustainability for Malaysian TVET and as for TVET students have the same career aspirations in the fields they have learnt in Community College.

Key words: TVET; trait-personality; effectiveness of training; generic skills; career aspiration.

PENGENALAN

Pada abad ke-21 pertumbuhan ekonomi sesebuah negara amat memerlukan pekerja teknikal yang berpengetahuan dan berkemahiran serta dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan teknologi. Proses globalisasi abad ke-21 juga telah menandakan permulaan revolusi perindustrian keempat (*Industrial Revolution 4.0*) dikenali sebagai era manusia dan mesin (revolusi sistem siber fizikal) yang membawa kepada penekanan terhadap pelajar kemahiran teknikal kerana ia telah meramalkan bahawa pekerjaan kemahiran berbentuk bukan teknikal akan digantikan dengan *mesin humanlike* atau robot sosial (Peters 2016). Tambahan lagi cabang kerjaya yang menjurus ke aras penguasaan kemahiran teknikal mengakibatkan kesukaran kefahaman terutama oleh generasi muda serta menjadikan pemilihan kerjaya semakin kompleks dan runcing. Kualiti perkembangan kerjaya pada peringkat awal yang dialami oleh pelajar mempengaruhi aspirasi kerjaya mereka kerana melalui persekitaran, pemerolehan pengetahuan serta kemahiran yang lain serta pelbagai jenis tret personaliti akan menjelmakan beberapa pekerjaan yang sesuai dengan individu tersebut (Mohamed Fadzil, Amla & Rasidah 2008).

Justeru institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) menyasarkan latihan berbentuk kemahiran teknikal kepada pelajar yang boleh dipasarkan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara (Arasinah, Ab.Rahim & Ramlah 2014). *United Nations Organization for Education, Science and Culture (UNESCO)* mentakrifkan TVET sebagai aspek proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang teknologi dan sains, latihan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial. Seajar dengan itu, kerajaan telah meletakkan TVET dalam aliran arus perdana bagi memenuhi jurang pekerjaan yang wujud menjelang tahun 2020. Maka dari segi keperluan pekerjaan di Malaysia, pemilihan pelajar TVET untuk terus kekal menceburi sektor ini amat penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan.

LATAR BELAKANG

Setiap individu remaja yang saban hari menjalani rutin kehidupan sebagai pelajar sekurang-kurangnya selama 15 tahun bermula dari peringkat rendah persekolahan sehingga peringkat pengajian sijil, sudah tentu akhirnya akan memasuki dunia pekerjaan bagi tuntutan kehidupan. Memiliki aspirasi kerjaya daripada sejumlah alternatif pembelajaran yang telah dilalui oleh proses perkembangan individu akan menentukan kejayaan hidup apabila mengetahui pilihan yang akan membawa kepada kerjaya yang diinginkan (Zaini 2004). Bagi erti kata yang sebenar, pelajar yang memahami kecenderungan personaliti diri dan kebolehannya akan mempunyai aspirasi kerjaya pilihan yang memberi manfaat menerusi dasar-dasar baharu yang diwujudkan seperti penggajian yang lebih baik berdasarkan kepada kemahiran dan kebolehan yang dimiliki. Ini kerana aspirasi kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti serta faktor yang lain akan mempengaruhi gaya kehidupan individu serta menentukan cara penyelesaian masalah hidup. Semakin hampir kesepadanan antara ciri personaliti dengan keperluan kerjaya semakin besar individu untuk tampil sebagai insan yang berjaya dalam bidang yang diceburi dan terhindar dari pengangguran (Azlina 2005).

Menurut Pandey dan Pandey (2015) pada 2014 sahaja terdapat lebih 430 juta orang yang menganggur berusia antara 15-34 tahun. Senario ini dalam konteks Malaysia dikukuhkan berdasarkan statistik Pendidikan Tinggi (2015) yang mendapati 4507 (72.7%) daripada 6,201 graduan atau lulusan Kolej Komuniti yang berlatar belakang TVET di Malaysia hanya berjaya memperolehi pekerjaan dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas tamat pengajian. Statistik tersebut menunjukkan perbezaan sebanyak 2 peratus (2%) penurunan graduan atau lulusan Kolej Komuniti pada tahun 2014 yang memperolehi pekerjaan. Ini kerana umumnya, kadar pengangguran di Malaysia bagi Januari 2016 adalah sebanyak 3.4 peratus. Analisis perbandingan mengikut tahunan mendapati kadar pengangguran meningkat 0.3 mata peratus. Manakala, kadar pengangguran pelarasan bermusim adalah 3.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia 2016). Justeru itu menurut Taylor (2005), negara-negara membangun akan berdepan dengan kegagalan membina negara yang berasaskan ekonomi serta teknologi industri jika bilangan tenaga kerja berkemahiran masih rendah. Rasional peratusan pengangguran yang tinggi ini dikaitkan pula dengan ketidaksepadanan pemilihan kerjaya dengan tret personaliti, keberkesanan latihan, jurang kemahiran generik serta kecenderungan pelajar untuk tidak meneruskan aspirasi kerjaya dalam bidang yang sama (Sohba 2016).

Adalah menjadi satu kerugian besar kepada negara jika peruntukan yang sepatutnya melahirkan tenaga mahir negara bagi mengisi keperluan sektor TVET tidak dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan pengaliran bakat sumber manusia ini ke dalam sektor pekerjaan yang lain. Isu ini dikukuhkan dengan kajian oleh Zaliza dan rakan-rakan. Nazri dan Khairul Anuar (2014) yang mendapati terdapat isu ketidaksepadanan di antara bidang pengajian yang pelajar ikuti di Kolej Komuniti dengan kerjaya yang diceburi. Kajian tersebut juga mendapati bahawa terdapat keperluan untuk melihat semula serta mengenalpasti kelemahan yang wujud bagi setiap bidang pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti ini sehingga menyebabkan pelajar lulusan Kolej Komuniti ini sukar mendapat pekerjaan terutamanya pelajar dari lulusan bidang pengajian kejuruteraan. Tambahan pula senario sektor industri di Malaysia, mendapati ada kajian yang menyatakan majikan daripada firma gergasi juga mengambil kira mengenai kebolehan bukan teknikal dalam pemilihan bakal pekerja (Seri Bunian, Saemah & Mohd Yusof 2016).

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Menelusuri kajian Muhammad Hazrul (2012), mendapati bahawa kadar graduan yang belum membuat aspirasi kerjaya adalah berpunca daripada ketidaksepadanan antara kemahiran teknikal yang diinginkan menerusi pasaran buruh serta latihan yang mungkin diterima di institusi. Sementara kajian Samsilah dan rakan-rakan (2015) mendapati pula jika lebih besar kesesuaian tret personaliti pelajar dengan pengkhususan akademik mereka yang dikenali sebagai kesepadanan personaliti akan menghasilkan lebih tinggi kebarangkalian aspirasi kerjaya mereka dalam bidang pengajian yang sama. Terdapat satu lagi kajian oleh Ahmad Rozelan dan rakan-rakan (2010), yang menyatakan bahawa tret personaliti merupakan persoalan pokok kepada faktor aspirasi kerjaya pelajar dalam bidang yangertainya.

Faktor seterusnya adalah isu mengenai pemberian latihan yang tidak sepadan. Kajian Abd Hair dan rakan-rakan (2007), menyatakan terdapat dalam kalangan lepasan graduan yang memperolehi pekerjaan namun hampir sebahagian menyatakan kemahiran yang diberikan memadai dan sebahagian lagi menyatakan kemahiran yang diberikan tidak mencukupi. Kajian mereka mengenai ketidaksepadanan bidang kemahiran dengan pekerjaan secara relatif tinggi dalam kalangan lepasan Institut Latihan Perindustrian (ILP) berbanding lepasan Institut Kemahiran Malaysia. Seandainya sistem latihan kemahiran di Malaysia khususnya TVET di Kolej Komuniti tidak dapat mengatasi kekangan tersebut, agenda menjayakan RMK11 yang menjadi

pemacu perubahan kritikal melalui pengukuhan pendidikan dan latihan TVET (RMK11, 2016-2020) akan menerima kesan yang negatif.

Banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah seperti pengetahuan, sikap, personaliti dengan pembolehubah lain seperti prestasi akademik, prestasi kemahiran serta pencapaian kerjaya, motivasi, keusahawanan, kesepadanan kerja dan sebagainya (Sobha 2016; Ahmad Amin 2015; Zaliza 2015; Zaidi 2013). Namun kajian khusus yang memfokuskan kepada pembolehubah personaliti tret, keberkesanan latihan dan kemahiran generik terhadap aspirasi kerjaya masih kurang dijalankan. Kajian seperti ini dilihat mempunyai kepentingan sebagai satu usaha untuk meneliti kelainan faktor yang dikemukakan oleh Zaliza (2015) dan dalam masa yang sama menambahkan lagi penyelidikan dalam negara berkaitan aspek ini menerusi pendidikan serta aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar TVET di Malaysia.

ASPIRASI KERJAYA

Apabila TVET mula dijenamakan semula serta kemunculan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) diuar-uarkan, dunia tanpa sempadan telah berubah landskap secara sedikit demi sedikit sehingga menjadikan pemilihan kerjaya semakin kompleks dan runcing. Keberadaan cabang kerjaya yang menjurus ke arah pengkhususan menyebabkan kecelaruan dalam generasi muda (Mohamed Fadzil, Amla & Rasidah 2008). Kesedaran mengenai aspirasi kerjaya perlu bermula apabila individu itu tamat menjalani tempoh pengajian dan menyandarkan harapan kepada kehidupan seterusnya dengan memiliki pekerjaan yang tetap serta terjamin. Kerjaya memperlihatkan status, tahap ekonomi dan pendapatan serta kesedaran kerjaya merupakan pengetahuan mengenai konsep sendiri, aspek dunia pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah-faedah lain (Azizi et al. 2005).

Aspirasi kerjaya merupakan daya penggerak yang penting dan memandu individu ke arah bidang kerjaya yang diinginkan. Membuat pemilihan pengajian dan pekerjaan adalah proses yang berevolusi dan tiada titik penanda yang boleh menentukan kadar pilihan kerjaya individu. Sementara itu terdapat juga halangan serta paksaan terhadap bidang pengajian sehingga mempengaruhi pemilihan muktamad bagi kerjaya. Bagi pendidikan TVET, cabaran yang paling besar adalah bagi memastikan pelajar yang telah dilatih bersedia untuk memasuki dan meneroka bidang pekerjaan selari dengan kemahiran yang telah dimilik (Maznizam & Abdullah 2016). Namun demikian terdapat juga halangan-halangan lain seperti tidak dapat membuat pilihan atau keputusan, tiada maklumat tentang diri dan kerjaya, keraguan berkaitan kerjaya yang dipilih, tiada minat dan tidak mampu bagi menyelesaikan masalah (Azizi et al. 2005).

Situasi ini memberi kesan kepada pelajar apatah lagi pelajar yang berada di institusi latihan kemahiran seperti di Kolej Komuniti. Kecenderungan membentuk aspirasi kerjaya yang selari dengan bidang TVET yang diikuti jika mendapat bimbingan, kemahiran generik, dorongan serta percambahan daripada pengajar akan membuahkan hasil yang diharapkan. Seperti contoh, jika pelajar itu mempunyai aspirasi kerjaya terhadap program pemasangan elektrik, maka pelajar tersebut akan bersikap lebih cenderung serta positif dan mempunyai momentum yang tinggi terhadap TVET bidang pemasangan elektrik. Aspirasi kerjaya adalah faktor terpenting bagi menentu kedudukan taraf individu dalam masyarakat serta peletakan nilai tersebut memberi kesan ke atas hidup, sikap serta gaya (Zaidi 2013).

Kajian mengenai aspirasi kerjaya agak meluas dijalankan dengan berbagai faktor pembolehubah yang meramal serta yang bersandar. Seperti kajian Sobha (2016) yang dijalankan bagi mengkaji tahap determinasi sendiri dan aspirasi kerjaya pelajar yang mengikuti mata

pelajaran vokasional (MPV) di kelas vokasional bagi sekolah menengah kebangsaan harian di Pulau Pinang. Sebanyak 512 orang pelajar tingkatan 4 telah melalui proses soal selidik dan temu bual yang melibatkan 34 buah sekolah. Kajian mendapati wujudnya hubungan yang signifikan dalam aspirasi kerjaya pelajar mengikut jantina serta determinasi sendiri dan aspirasi pelajar adalah berbeza secara signifikan mengikut bidang MPV yang pelajar ikuti. Keseluruhan dapatan kajian ini menjelaskan persepsi pelajar terhadap MPV serta faktor seperti sokongan sosial dan determinasi sendiri menjadi peramal terhadap aspirasi kerjaya pelajar yang juga mejurus kepada kerjaya MPV.

Manakala, kajian Nur Farhana (2016), dijalankan bagi melihat prestasi kerjaya pelajar menerusi Adversity Quotient (AQ) berdasarkan minat kerjaya Holland. AQ merujuk kepada kemampuan individu dalam menghadapi cabaran dengan sebab-sebab munasabah menerusi model CORE (control, ownership, reach dan endurance). Gabungan instrumen AQ-Related Personality Traits (ARP) Stoltz, dan inventori Self-Directed Search Form Easy (SDSS) Holland telah digunakan menerusi kajian ini. Responden yang terlibat adalah seramai 370 pelajar program Sarjana Muda dari lapan fakulti di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). UTHM antara universiti MTUN yang berlatar belakangnya program TVET. Dapatan kajiannya mendapati majoriti responden mempunyai minat kerjaya sosial yang tinggi. Sementara ujian regresi berganda menunjukkan bahawa terdapat dua jenis personaliti minat kerjaya iaitu sosial dan entrepreneur mempunyai hubungan yang signifikan terhadap AQ. Keseluruhan kajian ini mendapati minat kerjaya pelajar adalah lebih tertumpu kepada luar bidang seperti minat sosial ke arah kerjaya pentadbir, ahli sosiologi dan jururawat sementara minat enterprising menjurus kepada pengurus jualan serta kerja-kerja penjualan.

Sementara itu, kajian Zaliza (2015) memberi perspektif yang agak berbeza dengan dua literatur kajian yang telah dinyatakan. Zaliza mengkaji kesepadanan antara bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar di Kolej Komuniti dengan pekerjaan yang diceburi serta elemen-elemen seperti kemahiran teknikal dan kemahiran employability yang turut juga menyumbang ke arah kesepadanan tersebut. Analisis kajian yang menggunakan teknik Delphi terhadap 103 majikan, 162 graduan dan 197 pensyarah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan Kolej Komuniti mendapati, majoriti graduan bidang pengajian yang dikenalpasti bekerja sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti. Sementara itu kajiannya juga mendapati bahawa elemen-elemen seperti kemahiran teknikal dan kemahiran *employability* turut memainkan peranan yang besar antara kesepadanan serta pilihan kerjaya bagi responden yang terlibat.

Dimensi kajian seterusnya adalah menerusi kajian Noor Shamsila (2012) mengenai pengharapan pelajar bidang kejuruteraan di Kolej Komuniti terhadap aspek kerjaya. Kajiannya melibatkan 111 orang responden yang terdiri daripada pelajar menerusi 5 program melibatkan dua buah Kolej Komuniti rintis di Semenanjung Malaysia. Melalui soal selidik yang telah diedarkan, analisis data mendapati bahawa pengharapan tertinggi pelajar terhadap aspek kerjaya adalah terhadap aspek kerjaya keusahawanan, diikuti dengan aspek pemerolehan kemahiran tinggi serta inovatif dan yang terendah adalah berkaitan menjadi tenaga kerja yang berkualiti.

Namun yang penting persoalan utama kajian ini ialah bagi menentukan bagaimana berdasarkan tret personaliti mengekalkan minat individu setelah menjalani keberkesanan latihan pembelajaran TVET serta memperolehi aspek kemahiran generik menerusi pengkhususan bidang terhadap aspirasi kerjaya yang dipilihnya.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini adalah merujuk teori Modal Insan (Human Capital) yang diasaskan oleh Schultz (Schultz 1967). Teori ini digunakan bagi memahami betapa pentingnya pelaburan modal insan bagi pembangunan serta pertumbuhan ekonomi. Antara teori lain yang digunakan adalah merujuk kepada Teori Kerjaya Holland (Holland 1985), Teori Aspirasi Kerjaya (O'Brien 1992), Model Kebolehdapatan Kerja (Mohamad Sattar & Rose Amnah 2010) dan Model Keberkesanan Pengajaran (Nabilah 2012). Pelajar TVET, tret personaliti, keberkesanan latihan dan kemahiran generik merupakan atribut asas terhadap aspirasi kerjaya bagi kajian ini. Analisis yang akan digunakan melibatkan pelbagai aspek demografi pelajar seperti jantina dan program pengajian, pengaruh serta hubungan.

Hasil daripada sorotan literatur, kerangka konseptual ini cuba melibat hubungan antara setiap atribut tidak bersandar terhadap atribut bersandar iaitu aspirasi kerjaya. Atribut kemahiran generik menggabungkan semua kompetensi asas yang dituntut majikan masa kini terhadap pelajar meliputi penilaian terhadap kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran sumber, kemahiran maklumat, kemahiran interpersonal, kemahiran sistem dan teknologi dan kualiti personel (Mohamad Sattar Rasul & Rose Amnah 2010). Seterusnya atribut tret-personaliti pelajar berdasarkan Teori Kerjaya Holland diadaptasi menerusi kajian ini dengan menjurus kepada enam ciri personaliti iaitu realistik, investigatif, sosial, konvensional, keusahawanan dan artistik (RIASEK) (Sidek 1998). Sementara atribut keberkesanan latihan berasaskan TVET di Kolej Komuniti adalah merupakan *undimensional attribute* bagi pengukuran item pengajaran yang baik, kejelasan maklumat, kesesuaian penilaian dan tugas berpatutan. Aspirasi kerjaya adalah galakan serta rangsangan bagi individu untuk menanam minat terhadap perkara yang dipelajari (Sohba 2016). Dalam konteks kajian ini, aspirasi kerjaya adalah berkaitan dengan aspirasi kerjaya pelajar TVET di Kolej Komuniti berhubung harapan dan keinginan terhadap pekerjaan dalam bidang TVET yang dipelajari di kolej. Aspirasi kerjaya ini diukur dengan Skala Aspirasi Kerjaya (O'Briens 1992). Hubungan bagi setiap atribut adalah merupakan faktor yang akan mempengaruhi aspirasi kerjaya individu. Melalui tret-personaliti individu kajian ini cuba memadankan antara personaliti dan persekitaran latihan melalui keberkesanan latihan dan kemahiran generik bagi melihat aspirasi pemilihan kerjaya. Ini kerana aspirasi kerjaya yang selaras dengan personaliti serta persekitaran adalah faktor yang dapat mengelakkan berlakunya pertukaran kerjaya supaya guna tenaga kerja berkemahiran dapat diperingkatkan.

Kerangka konsep kajian yang diperlihatkan menunjukkan satu set konsep yang berkaitan antara satu sama lain dalam cara perhubungan logikal dengan setiap pembolehubah yang dikaji. (Rujuk Rajah 1).


KESIMPULAN

Kefahaman pelajar mengenai tret personaliti, keberkesanan latihan dan kemahiran generik yang dimiliki dapat memberi pengetahuan kepada pelajar bagi memahami kecenderungan yang ada padanya. Aspek kefahaman serta pengetahuan ini khususnya di institusi kemahiran seperti Kolej Komuniti dapat membina tingkah laku serta corak pemikiran dalam menentukan pilihan yang wajar terhadap aspirasi kerjaya. Ini kerana pemilihan kerjaya merupakan aktiviti impian bagi seseorang pelajar selepas menamatkan pengajian. Aktiviti ini sebahagian besarnya juga

dipengaruhi oleh konsep sendiri, perasaan nilai dalam diri (afektif) serta pergantungan kepada bidang, latihan serta kemahiran teknikal yang diperolehi (Faizah & Siti Noorazzura 2009).

Pentingnya dapatan ini juga akan memberi peluang kepada pentadbir untuk menerapkan isu-isu yang menjadi rungutan dalam kalangan majikan terhadap institusi kemahiran seperti isu kualiti latihan. Kajian ini diharap dapat menemui objektif menerusi atribut yang akan dinilai kerana maklum balas kajian akan dapat menentukan kebolehpkerjaan pelajar antara sesebuah institusi latihan. Justeru kajian yang dijalankan ini menjadi medium kepada usaha untuk memastikan keperluan latihan yang diterima adalah memenuhi pilihan aspirasi kerjaya pelajar.

Tambahan dengan kepekaan kepada kualiti kemahiran generik, Kolej Komuniti akan menjadi semakin hampir kepada kehendak industri semasa dan pembinaan pembangunan modal insan yang lebih efektif. Malahan kelainan atribut yang ada menerusi kajian ini diharapkan menemui alternatif bagi melihat hubungan serta kecenderungan tret personaliti, keberkesanan latihan dan kemahiran generik bagi membolehkan kecenderungan aspirasi kerjaya pelajar adalah selaras dengan program yang telah diikuti oleh pelajar sepanjang tempoh pengajiannya di Kolej Komuniti.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Kajian

RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Jegah Uli, Asma Ahmad & Rahmah Ismail. 2007. Program latihan kemahiran: perbandingan kos, kebolehpasaran dan pendapatan pelatih. *International Journal of Management Studies* 14 (1), 212-244.
- Ahmad Amin Mohamad Sulaiman. 2015. *Pengaruh tret personaliti, kerasionalan dan efikasi sendiri terhadap gaya membuat keputusan dalam kalangan pelajar*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Rozelan Yunus, Rusnani Abdul Kadir, Amir Aris & Mukhiffun Mukapit. 2010. Keselarasan personaliti-persekitaran pendidikan dengan pencapaian akademik pelajar. *Prosiding SPKS 2010*, 1-8.
- Arasinah Kamis, Ab. Rahim Bakar, Ramlah Hamzah, S. A. 2015. Keperluan kompetensi pengetahuan rekaan fesyen pakaian untuk menceburkan diri dalam industri fesyen. *Sains Humanika*, 4 (2014), 25-33.
- Azlina Abu Bakar @ Mohd. 2005. *Psikologi Personaliti Individu*. Karisma Publications Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Azizi Hj. Yahya, Mohd. Najib Ghafar, Noraizah Damiri & Shahrifudin Ismail. 2005. Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik.
- Faizah Abd Ghani & Siti Noorazzura Ahmad. 2009. Hubungan trait personaliti dengan pemilihan kursus di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Elektrik. Retrieved from <http://core.ac.uk/download/pdf/11786085.pdf>
- Holland, J.L. 1985. *The Vocational preference inventory: Profesional manual*. Florida Psychological Assessment Resources, Inc.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2016. <https://www.statistics.gov.my>. Dicapai pada 28 Oktober 2017.
- Noor Shamsila Ismail. 2012. *Pengharapan pelajar bidang kejuruteraan di Kolej Komuniti terhadap aspek kerjaya*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Nur Farhana. 2016. *Ramalan prestasi kerja pelajar berdasarkan AQ dan minat kerjaya*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana
- Maznizam Mansor & Abdullah Mat Rashid. 2016. Hubungan antara kesediaan kerjaya dan kematangan pelajar institusi latihan kemahiran awam Malaysia. *Skills Malaysia Journal*. Vol. 2 (1), 27-33.
- Muhammad Hazrul Ismail. 2012. Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan sari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM ke-7)*, 2, h. 906-913.
- Mohamed Fadzil Che Din, Amla Hj. Salleh & Rasidah Omar. 2008. *Pengaruh Modul Merancang Kerjaya Terhadap Motivasi remaja Berpencapaian Rendah-Satu Pendekatan sosio-Kerja Remaja Berkesan*. Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kuala Lumpur.
- Mohamad Sattar Rasul & Rose Amnah Abdul Rauf. 2010. *Pembangunan alat Ukur Tahap Kemahiran Kebolehdapatan Kerja*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nabilah Hashim. (2012). *Peranan pendekatan pembelajaran sebagai pengantara hubungan antara keberkesnan pengajaran guru dengan pemikiran kritis dan kemahiran insaniah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.

- O'Brien, K.M. 1992. *Career aspiration scale*. University of Maryland.
- Pandey, M., & Pandey, P. 2015. Global Employability of Unemployed Youth through Soft Skills. *International Journal of Multidisciplinary Approach & Studies*, 2(2).
- Peters, M. A. 2016. *Technological unemployment: Educating for the fourth industrial revolution*.
- Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). 2016-2020. Capaian <http://epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>
- Samsilah Roslan, Che Rozaniza Azizan, Maria Chong Abdullah & Soaib Asimiran. 2015. Personality-major congruence among the hearing-impaired students in polytechnic. *Asian Social Science*, Vol.11, 337-346.
- Schultz, T. W. 1967. *The Economics Value of Education*. 3rd ed. New York dan London: Columbia University Press.
- Statistik Pendidikan Tinggi. 2015. <https://www.mohe.gov.my/.../440-cover-statistik-pendidikan-tinggi-2015>. Dicapai pada 10 Julai 2017.
- Seri Bunian Mokhtar, Saemah Rahman & Mohd. Yusof Husain. 2016. *Pemeriksaan kemahiran generik pelajar*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Sidek Mohd Noah. 1998. *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling*. UPM Serdang: Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.
- Sohba Vello. 2016. *Hubungan antara persepsi terhadap mata pelajaran vokasional (MPV) dan sokongan sosial dengan determinasi sendiri dan aspirasi kerjaya pelajar MPV*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.
- Taylor, A. 2005. What employer look for: the skills debate and the fit with youth perceptions. *Journal of Education and work*, 18(2), p.201-218.
- Zaliza Hanapi. 2015. *Kesepadanan latihan terhadap pekerjaan dalam kalangan graduan kejuruteraan elektrik di Kolej Komuniti*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaliza Hanapi, Mohd Safarin Nordin & Ridzwan Che Rus. 2014. Unemployment problem among graduates of technical field: competencies of the graduates and quality of the education. *Sains Humanika*, 53-57.
- Zaidi Fadzil. 2013. *Pengaruh faktor demografi, lokus kawalan dan stail berfikir terhadap personaliti usahawan berjaya berdasarkan Teori Kerjaya Holland*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.
- Zaini Hussein. 2004. *Bakat dan kejayaan di tempat kerja*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd. Pahang.

SHAFARIZAN ABD SAMAD
Kolej Komuniti Bandar Darulaman
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 17, Bandar Darulaman Jaya
06000 Jitra Kedah

MOHAMAD KHAIRI OTHMAN
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah

MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 20(2019): 64-73
<https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-06>

MUHAMAD DZAHIR KASA
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah

*Corresponding author: shafa_samad77@yahoo.com.my